

# Keputusan Dr. Mahathir letak jawatan muktamad

UM 3 NOV 2002

BALIK PULAU 2 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa beliau tetap dengan pendiriannya untuk meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, apabila beliau telah membuat keputusan untuk meletak jawatan dan tidak bertanding, maka beliau tetap tidak bertanding.

Katanya, beliau tidak berdolok dalik dalam keputusannya dan apa yang telah dinyatakan sebelum ini akan dilaksanakannya.

“Saya tidak boleh berdolok dalik, saya kata sesuatu, itu sahaja yang saya buat. Ini pun orang dah kata... saya kata nak berhenti, tapi bila dipujuk jangan berhenti, saya tak berhenti.

“Saya tak nak orang kata saya main politik,” tegasnya yang akan melepaskan jawatan Perdana Menteri Oktober tahun depan.

Beliau memberitahu para pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Konvensyen Barisan Nasional (BN) di Kompleks Sultan Balik Pulau, di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulangi pendiriannya

itu ketika diminta mengulas mengenai usul UMNO Bahagian Pasir Mas baru-baru ini yang menolak hasrat Dr. Mahathir untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang dan sekali gus meminta Perdana Menteri mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu.

Beberapa hari selepas usul itu diluluskan, Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Johari Ibrahim dalam kenyataannya meminta semua pihak menghormati keputusan Dr. Mahathir untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Johari yang juga Naib Ketua Bahagian UMNO Kubang Pasu berkata, Dr. Mahathir telah berkali-kali menyatakan keputusannya untuk berundur adalah muktamad.

Mengenai isu semakan harga air dengan Singapura, Perdana Menteri berkata, Malaysia bukanlah pihak yang ‘terhegeh-hegeh’ dalam soal ini sebaliknya Singapura yang meminta patut ada rundingan mengenainya.

“Kita tidak terhegeh-hegeh...dia (Singapura) yang minta... hari itu dia datang dan percaya patut ada rundingan,” ujarnya.